



Kelebihan Beramal dengan Amalan Sedekah dalam Hadis

Amalan sedekah	Kelebihan
Berlaku adil dalam mendamaikan orang yang bertelingkah	• Menghindari kedua-dua belah pihak daripada berterusan bertelingkah selama tiga hari. • Mententeramkan hati kedua-dua belah pihak.
Membantu orang menaiki kenderaan	• Meringankan beban orang lain. • Memberi keselesaan atau membantu orang yang memerlukan bantuan.
Membantu orang mengangkat barang ke dalam kenderaan	
Mengucapkan perkataan yang baik	• Menenangkan hati pendengar. • Menyuburkan budaya komunikasi yang berkesan atau beradab. • Elak pertelingkahan dan pergaduhan.
Berjalan untuk menunaikan solat	• Ditingkatkan darjat. • Dihapuskan dosa jika berwuduk ketika menuju ke masjid. • Dapat mengamalkan gaya hidup sihat. • Diberikan cahaya dalam kegelapan akhirat kerana berjalan dalam kegelapan subuh.
Mengalihkan sesuatu yang berbahaya di jalan	• Mengurangkan risiko kemalangan. • Memberi keselesaan kepada pengguna jalan.